



Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Berisiko di Sekolah Daerah Bentong, Pahang

Nur Hanisah Mohd Nor Afandi¹, Najah Nadiyah Amran² dan Mohd Faizulmri Mohd Saad³
^{1,2,3} Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Article Info

Received:

21 July 2020

Accepted:

03 August 2020

Publish

01 Sept 2020

E-mail address:

*corresponding Author :
aura.imtiyaz@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Pengetahuan agama adalah asas terhadap pembinaan peribadi seseorang muslim. Fitrah manusia memerlukan agama sebagai panduan hidup. Remaja perlu diberikan bimbingan agar memahami Islam sebagai agama yang benar dan kembali menjalankan tanggungjawab kepada agama dalam kehidupan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja berisiko di sekolah daerah Bentong. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes menggunakan kaedah kuantitatif. Artikel ini membentangkan hasil kajian rintis yang telah dijalankan di peringkat awal sebelum ke kajian lapangan. Seramai 36 responden yang terdiri dalam remaja berisiko daripada 2 buah sekolah menengah di daerah bentong telah diedarkan. Data yang diperolehi dari borang soal selidik dianalisis menggunakan Statistical Package For The Social Science (SPSS) for window (version 25.0). Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan agama remaja berisiko berada di tahap yang tinggi. Indeks kebolehppercayaan keseluruhan item instrumen tahap pengetahuan agama remaja berisiko adalah 0.908. Hasil kajian menunjukkan elemen agama sangat penting dalam program pemulihan remaja berisiko. Walaupun tahap pengetahuan agama remaja berisiko berada di tahap yang tinggi, namun mereka masih tidak dapat menghalang diri mereka daripada terjebak dengan tingkah laku berisiko. Justeru, gabungan institusi kekeluargaan, pihak sekolah, masjid dan komuniti masyarakat diperlukan untuk meningkatkan program penghayatan agama bagi remaja ke arah pembentukan akhlak rabbani.

Kata Kunci: Kesiediaan remaja berisiko, pengetahuan agama remaja berisiko.

PENGENALAN

Al-Din merangkumi pengertian bagi agama, nama bagi keseluruhan perantara bagi menyembah Allah, adat, mazhab, situasi, perjalanan, situasi, mengalahkan, Islam, beriktikad dengan hati, diamalkan dengan tubuh dan diucapkan dengan lisan (Ma'luf 1975). Para ulama' mempunyai pandangan mereka tersendiri berkaitan dengan konsep *al-Din* dalam Islam. Menurut al-Syahid Sayyid Qutb dan Abu' al-A'la al-Mawdudi (2009) menyatakan bahawa konsep *al-Din* ialah mengakui hanya Allah sahaja sebagai Tuhan, Penguasa dan Majikan, mengabdikan diri hanya kepada Allah, takut akan tanggungjawab terhadap Allah, takut pada hukumanNya, dan sangat mengharapkan balasanNya dan taat hanya kepada Allah sahaja.

Manakala al-Syahid Hassan al-Banna (2003) pula menyatakan bahawa, konsep *din al-Islam* adalah sistem hidup yang sempurna dan syumul, merangkumi seluruh aspek kehidupan, iaitu aqidah yang sebenar dan ibadah yang sahih, akhlak, keadilan, negara, kebudayaan, undang-undang, jihad, dakwah dan fikrah. Beliau berkata, kita yakin bahawa Islam memiliki nilai yang sempurna. Islam mengatur semua aspek dalam kehidupan, menetapkan hukum dan aturan secara menyeluruh. Ia tidak berpangku tangan di depan kesulitan-kesulitan hidup dan di depan peraturan yang harus ditegakkan untuk kemaslahatan umat manusia. Menurut Zulkifli Mohd Yusof (2009), konsep *al-Din* merangkumi ketauhidan, shahadah, madhhab, jalan lurus yang termaktub dalam agama Islam, hari penghisaban dan pembalasan, hukum dan syariat, politik, kebijaksanaan dan kekuasaan raja. Kesimpulannya, secara asasnya konsep *al-Din* terdiri daripada tiga asas utama iaitu aqidah, ibadah dan akhlak.

Penyataan Masalah

Pengetahuan agama adalah asas terhadap pembinaan peribadi seseorang muslim. Pengetahuan agama yang tinggi mampu membina spiritual yang baik dalam diri remaja khususnya (Fauziah Ibrahim et. al 2012). Amalan agama pula ialah tindakan yang dilaksanakan oleh remaja berpandukan ilmu yang dimilikinya dan pengalaman yang dilaluinya dalam kehidupan mereka. Fitrah dan naluri manusia memerlukan agama sebagai panduan hidup mereka. Remaja perlu diberikan bimbingan agar memahami Islam sebagai agama yang benar dan kembali menjalankan tanggungjawab kepada agama dalam kehidupan mereka. Mereka juga perlu diberikan peluang untuk memperbaiki diri dalam kembali ke jalan Allah, menjaga tuntutan agama dan ikhlas beribadah kepada Allah (Ahmad Johari Sihes et al. 2006 : Zubaidah Al-Bugis 2009). Justeru, bagi meningkatkan pengetahuan agama remaja berisiko, pendidikan agama perlu dititikberatkan. Hal ini kerana pendidikan agama penting untuk membentuk akhlak remaja dan cara pemikiran mereka malah mampu menentukan tingkah laku mereka (Asmawati Suhid 2007)

KAJIAN LITERATUR

Remaja berisiko adalah remaja yang berhadapan dengan cabaran dalam fasa perkembangan usia remaja (Azyyati Mohd Nazim 2017). Menurut Badlihisam et al. (2014), di usia remaja mereka terpaksa mengharungi pelbagai konflik dalam kehidupan. Perubahan kematangan biologi mendorong remaja untuk mencuba dan membuat eksperimen dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dan alkohol. Zaman remaja merupakan suatu masa remaja sukar difahami oleh individu yang berada di sekeliling mereka, malah mereka mengalami perubahan daripada sudut fizikal dan mental serta perubahan emosi. Oleh itu, bagi remaja yang tidak dapat mengawal konflik yang dialami, mereka berpotensi mengalami tekanan dan mula terlibat dengan tingkah laku berisiko (Noor Amila et al. 2017). Justeru, remaja berisiko merupakan remaja yang mempunyai ketegangan jiwa akibat tidak diberikan bimbingan yang seimbang.

Dalam konteks perspektif Islam pula, remaja berisiko adalah golongan yang berpotensi dan bertenaga. Remaja berisiko mempunyai hubungan dengan sikap keluarga yang kurang memberi perhatian dan kasih sayang, persekitaran yang negatif, dan masyarakat yang berada di sekeliling mereka yang boleh mempengaruhi pegangan agama dan kecerdasan emosi mereka (Noor Amila et. al 2017). Menurut Mohd Nuri Mustafa (2017), antara ciri-ciri psikologi remaja berisiko adalah rendah penghargaan dan penerimaan sendiri, mesra dengan rakan, kuasa autonomi pasif, ada matlamat hidup dan lemah pegangan agama. Mereka tiada kesedaran potensi diri, tahap kecerdasan emosi yang lemah dari aspek mengurus tekanan emosi, ingin mencuba, dan rendah kawalan emosi sendiri.

Terdapat beberapa kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang tahap pengetahuan agama remaja berisiko. Remaja berisiko masih boleh dibentuk dengan baik. Kajian Fauziah Ibrahim et.al (2012) juga menunjukkan seramai 86% responden dalam kalangan remaja berisiko yang mempunyai keinginan untuk mempelajari ilmu agama secara mendalam serta menunjukkan rasa keinsafan yang tinggi. Hasil kajian juga mendapati sebanyak 80% daripada remaja berasa bersalah apabila meninggalkan kewajipan solat. Justeru, kajian lanjut berkaitan tahap pengetahuan agama remaja berisiko di sekolah daerah Bentong perlu dijalankan sebagai untuk menambahbaik program-program yang boleh merangsang perubahan remaja berisiko.

Kajian Badlisham Nasir et. al. (2014) turut menyokong kajian Fauziah Ibrahim et.al (2012) bahawa remaja-remaja berisiko ini masih boleh dibentuk dan bersedia untuk dibimbing. Dalam kajian Badlisham Nasir et al. (2014), para remaja masih menganggap penyelesaian agama adalah kaedah terbaik dan mereka bersedia untuk melaksanakan amal ma'aruf nahi mungkar dan bersedia untuk menasihati rakan-rakannya yang bermasalah. Pegangan agama bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan agama remaja semata-mata, malah ianya turut diukur daripada aspek amalan dan penghayatan. Program penghayatan agama Islam perlu ditingkatkan terutamanya di sekolah-sekolah harian malah remaja yang menunjukkan peningkatan akhlak yang positif diberikan ganjaran sebagai galakan (Asmawati Suhid 2007).

Pendekatan Islam dalam mendidik akhlak remaja perlu memberi penekanan terhadap penanaman aqidah atau rohani. Hal ini kerana aqidah merupakan asas yang utama dalam pembentukan diri seseorang muslim. Nas al-Quran dan hadith banyak mengutamakan tentang kepentingan akidah dalam Islam. Tanpa ikatan agama, pendidikan akhlak hanya bersifat sementara dan mampu mengakibatkan kegagalan dalam pendidikan akhlak (Asmawati Suhid 2007). Selain itu, akhlak adalah salah satu interpretasi daripada iman. Remaja yang berakhlak mulia pasti mempunyai keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Dalam proses pembinaan akhlak terhadap remaja, Abdullah Nasih Ulwan mencadangkan agar remaja dididik untuk menjauhkan diri daripada taqlid buta semata-mata tanpa ilmu, menjauhi amalan bermewah dan muzik yang melalaikan, menjauhi pergaulan bebas dan berpakaian mengikut jantina berbeza, dan memandang sesuatu yang diharamkan (Norul Huda Bakar & Azizah Mat Rashid 2014).

Pendidikan agama mestilah diberikan perhatian utama dalam usaha meningkatkan pengetahuan agama remaja. Pendidikan agama oleh ibu bapa dan hubungan rakan sebaya adalah antara faktor utama yang mempengaruhi pembinaan akhlak remaja. Pembinaan akhlak bukan sahaja melalui pendidikan formal di sekolah, malah pendidikan secara tidak formal di rumah bersama ibu bapa banyak memberikan impak positif terhadap kehidupan remaja (Rohana Tan et. al t.t.). Pendidikan seseorang remaja secara tidak formal bermula sejak kecil dalam institusi keluarga merangkumi pendidikan akidah, ibadah dan akhlak (Abdullah Nasih, 2000).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk bagi kajian ini adalah kajian kes menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian kes boleh menfokus kepada perspektif yang khusus mengenai latar belakang individu seseorang individu, sekumpulan individu atau seluruh komuniti dan dilakukan untuk menyelidik suatu peristiwa pada perspektif yang luas seperti tingkah laku masyarakat iaitu kepercayaan, agama, kebudayaan dan sebagainya (Chua Yan Piaw 2006). Data daripada borang soal selidik telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) for window (version 25.0)*. Artikel ini membentangkan hasil kajian rintis di peringkat awal sebagai menguji kebolehpercayaan dan pengesahan instrumen soal selidik yang akan dijalankan dalam kajian lapangan. Dalam kajian rintis, data kuantitatif dikumpul daripada 2 buah sekolah menengah di daerah Bentong. Seramai 36 orang remaja berisiko dipilih sebagai sampel kajian. Melalui kaedah kuantitatif, data dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Borang soal selidik mengandungi 20 soalan. Responden yang terlibat menjawab soal selidik adalah terdiri daripada remaja-remaja berisiko di dua buah sekolah daerah Bentong. Hasil kajian mendapati tahap amalan agama remaja berisiko di sekolah daerah Bentong berada di tahap yang tinggi. Indeks kebolehpercayaan keseluruhan item instrumen tahap amalan agama remaja berisiko adalah 0.908.

Kebolehpercayaan Instrumen Tahap Pengetahuan Agama Remaja Berisiko

Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrumen dalam mengukur sesuatu konsep (Jackson 2006). Ujian ini juga menggambarkan konsistensi responden dalam memberikan jawapan. Di samping itu, ia juga ditafsir daripada istilah teknikalnya sebagai satu ujian yang membolehkan kita menganggarkan jumlah peratus varian ralat daripada keseluruhan varian skor. Sebagai contoh, koefisien kebolehpercayaan 0.85 membawa maksud bahawa 85 peratus daripada varian dalam skor ujian adalah bergantung kepada varian sebenar tingkah laku yang diukur dan memberikan ruang 15 peratus untuk dipenuhi oleh varian ralat.

Nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach adalah antara 0.00 hingga 1.00. Walau bagaimanapun nilai kebolehpercayaan terdapat beberapa pandangan berbeza oleh dalam buku-buku metodologi. Antaranya Sakaran (1992) menetapkan nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima, nilai alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima, manakala nilai alfa melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Bagi Mohd Majid (1990) menyatakan bahawa nilai alfa Cronbach yang melebihi 0.60 sering digunakan sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk Aqidah (8 item) adalah 0.915, Konstruk Ibadah (6 item) adalah 0.518 dan Konstruk Akhlak (6 item) adalah 0.812. Indeks kebolehpercayaan keseluruhan item tahap pengetahuan agama remasa berisiko pula adalah 0.908 (rujuk jadual 1). Indeks kebolehpercayaan ini adalah melebihi 0.8 menunjukkan instrumen ini adalah baik (Sakaran 1992).

Jadual 1 Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Bagi Setiap Konsturk Dalam Tahap Pengetahuan Agama Remaja Berisiko

Konstruk	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Aqidah	0.915	8
Ibadah	0.518	6
Akhlak	0.812	6
Keseluruhan TPA	0.908	20

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keruntuhan sahsiah remaja mempunyai hubungan dengan demografi remaja tersebut. Justeru, dalam kajian ini pengkaji turut memberikan soalan-soalan berkaitan demografi remaja yang terdiri daripada demografi responden, demografi ibu bapa responden, tempat tinggal responden sama ada tinggal bersama ibu bapa atau tidak dan jenis tempat tinggal mereka.

Jadual Interpretasi Min

Interpretasi	Skor min
Tinggi	3.5 hingga 5.5
Sederhana	2.5 hingga 3.4
Rendah	1.0 hingga 2.4

Sumber Oxford (1889)

Profil Remaja Berisiko berdasarkan latar belakang Peribadi, Ibu bapa dan Tempat Tinggal.

Berikut adalah dapatan kajian berkaitan profil remaja berisiko berdasarkan latar belakang peribadi responden.

Jadual 2 Profil berdasarkan latar belakang peribadi (N=35)

Latar belakang	Frekuensi	Peratus	
Jantina	Lelaki	23	65.7
	Perempuan	12	34.3
	Jumlah	35	100
Latar belakang Pendidikan	UPSR	13	37.1
	PT3	13	37.1
	SPM	9	25.7
	Jumlah	35	100

Jadual 2 menunjukkan bahawa seramai 23 orang (65.7%) daripada responden adalah pelajar lelaki dan 12 orang (34.3%) adalah pelajar perempuan. Dari segi latar belakang Pendidikan seramai 13 orang (37.15) mempunyai tahap Pendidikan UPSR, 13 orang (37.1%) mempunyai PT3, dan 9 orang (25.7%) mempunyai tahap Pendidikan SPM.

Jadual 3 Profil berdasarkan latar belakang Ibu bapa (N=35)

Latar belakang	Frekuensi	Peratus	
Pekerjaan bapa	Kerajaan	13	37.1
	Swasta	6	17.1
	Sendiri	13	37.1
	Tiada Pekerjaan	1	2.9
	Lain-lain	2	5.7
	Jumlah	35	100.0
	Kerajaan	10	28.6

Pekerjaan ibu	Swasta	4	11.4
	Sendiri	1	2.9
	Tiada Pekerjaan	15	42.9
	Lain-lain	5	14.3
	Total	35	100.0
Pendapatan bapa	RM0-RM1000	7	20.0
	RM1000-RM2000	11	31.4
	RM2000-RM3000	9	25.7
	Tiada jawapan	8	22.9
	Total	35	100.0
Pendapatan ibu	RM0-RM1000	4	11.4
	RM1000-RM2000	6	17.1
	Tiada pendapatan	11	31.4
	RM2000-RM3000	5	14.3
	Tiada jawapan	5	14.3
	RM3000 dan ke atas	4	11.4
	Total	35	100.0
Pendidikan bapa	Ijazah dan ke atas	6	17.1
	Diploma/STPM	2	5.7
	SPM	7	20.0
	PMR/SRP dan ke bawah	1	2.9
	Tidak bersekolah	1	2.9
	Tiada jawapan	18	51.4
	Total	35	100.0
Pendidikan Ibu	Ijazah dan ke atas	6	17.1
	Diploma/STPM	5	14.3
	SPM	5	14.3
	Tidak bersekolah	1	2.9
	Tiada jawapan	18	51.4
	Total	35	100.0

Jadual 3 pula menunjukkan profil latar belakang ibu bapa pelajar. Dari aspek pekerjaan bapa didapati seramai 13 orang (37.1%) masing-masing bekerja dalam sektor kerajaan dan bekerja sendiri. Bagi pekerjaan ibu pula didapati seramai 15 orang (42.9%) ibu pelajar tidak bekerja, 10 orang (28.6%) bekerja dalam sektor kerajaan. Dari aspek akademik bapa didapati bahawa

seramai 7 orang (20%) mempunyai tahap Pendidikan peringkat SPM, 6 orang (17.1%) mempunyai tahap pendidikan peringkat ijazah. Manakala bagi tahap Pendidikan ibu seramai 18 orang (51.4 %) tidak menyatakan jawapan, 6 orang (17.1%) mempunyai tahap pendidikan peringkat ijazah dan ke atas. Dari aspek pendapatan bapa didapati bahawa seramai 11 orang (31.45) pendapatan bapa antara RM1000-RM2000, manakala 11 orang (31.45%) ibu pelajar tidak bekerja. Oleh itu, sebanyak (51.4 %) bapa responden merupakan golongan yang berpendapatan rendah dibawah RM2000 dan sebanyak (59.9 %) pendapatan ibu responden juga berpendapatan rendah dibawah RM2000. Hasil kajian ini selari dengan kajian (Badriyah et al. 2016) yang turut mendapati pendapatan ibu bapa bagi remaja wanita berisiko yang berada di pusat bimbingan Pusat Bimbingan, Raudhatul Sakinah Dan Dar As-Sa'adah juga berpendapatan rendah.

Jadual 4 Profil berkaitan Tempat Tinggal (N=35)

Latar Belakang		Frekuensi	Peratus
Tinggal Bersama	Ibu Bapa	25	71.4
	Bapa sahaja	2	5.7
	Ibu sahaja	3	8.6
	Kawan-kawan	1	2.9
	Lain-lain	4	11.4
	Total	35	100.0
Sebab tidak tinggal Bersama ibu bapa	Ibu Bapa bercerai	4	11.4
	Bapa meninggal dunia	1	2.9
	Ibu meninggal dunia	2	5.7
	Keluar tinggal di tempat lain	2	5.7
	Lain-lain	17	48.6
	Tiada kaitan tinggal dengan ibu bapa	9	25.7
	Total	35	100.0
Tempat tinggal	Teres	8	22.9
	Rumah kedai	1	2.9
	Banglo	2	5.7
	Rumah kampung	7	20.0
	Taman perumahan	15	42.9
	Flat	2	5.7
	Total	35	100.0

Jadual 4 menunjukkan profil berkaitan tempat tinggal, pelajar yang tinggal bersama ibu bapa adalah seramai 25 orang (71.4%), 4 orang (11.45) tinggal di lain-lain tempat, 3 orang (8.6%) tinggal Bersama ibu sahaja, 2 orang (5.7%) tinggal Bersama Bapa sahaja. Bagi sebab tidak tinggal Bersama ibu bapa adalah 17 orang (48.6%) tidak dinyatakan, 9 orang (25.7%) tinggal dengan ibu bapa, 4 orang (11.4%) ibu bapa bercerai, dan 2 orang (5.7%) masing-masing terdiri daripada ibu meninggal dan ibu bapa tinggal di tempat lain. Sebanyak (68%) responden tidak tinggal bersama ibu bapa mereka. Justeru, remaja ini kurang mendapat kasih sayang dan perhatian yang

sewajarnya daripada ibu bapa mereka. Hal ini turut menyumbang kepada gangguan emosi dan menjadi salah satu faktor remaja ini mula terjebak dengan tingkah laku berisiko (Norhayati Zulkefli & Zaidah Mustapha 2016). Menurut Buerah Tunggak et. al (2015), kebanyakan anak-anak yang terlibat dengan tingkah laku berisiko kurang mendapat didikan agama yang sempurna daripada ibu bapa mereka. Secara keseluruhannya, profil remaja berisiko ini telah menggambarkan sebab-sebab yang menyumbang remaja ini mula terjebak dengan tingkah laku berisiko.

Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Berisiko

Dapatan kajian mendapati pengetahuan agama terbahagi kepada tiga konstruk iaitu aqidah, ibadah dan akhlak.

Jadual 5 Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Berisiko

Perkara	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor min
Aqidah	4.5643	.69357	Tinggi
Ibadah	4.2238	.61296	Tinggi
Akhlak	4.5286	.62294	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan bahawa ketiga-tiga tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja berisiko di sekolah Daerah Bentong berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan agama terhadap aqidah adalah yang tertinggi ($M=4.56$, $S.P=0.694$), diikuti oleh pengetahuan agama terhadap akhlak ($M=4.53$, $S.P=0.613$) dan pengetahuan agama terhadap Ibadah ($M=4.22$, $S.P=0.623$). Kajian ini berbeza dengan kajian Fauziah Ibrahim et.al (2012) yang mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dengan kajian ini menunjukkan mereka mempunyai tahap pengetahuan keagamaan pada tahap sederhana. Pengkaji perbezaan ini berlaku kerana responden kajian mereka adalah remaja berisiko yang sedang ditahan untuk diberikan pemulihan dari segi akhlaknya di tiga buah sekolah pemulihan iaitu Sekolah Integriti, Kajang, Sekolah Henry Gurney, Keningau dan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas. Manakala responden kajian ini merupakan remaja-remaja berisiko yang hanya melakukan tingkah laku disiplin di sekolah dan masih belum berisiko tinggi untuk ditahan di pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini selari dengan kajian (Noor Hafizah 2017) yang mendapati tahap pengetahuan agama remaja berisiko di pusat pemulihan akhlak berada di tahap yang tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan remaja berisiko masih mempunyai peluang untuk melakukan perubahan disebabkan tahap pengetahuan agama yang tinggi, malah kesedaran dan penghayatan kehidupan beragama perlu ditingkatkan dalam program-program sokongan yang dijalankan bersama mereka.

Pengetahuan Aqidah Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Sekolah Daerah Bentong, Pahang.

Jadual 6 Kekekapan, peritus, min, sisihan piawai dan interpritesi skor min Tahap Pengetahuan Aqidah dalam Kalangan Remaja Berisiko

No	Perkara	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P	Interpretasi
1	Rukun iman terbahagi kepada 6 perkara	2 (5.7)	0	5 (14.3)	1 (2.9)	27 (77.1)	4.46	1.120	Tinggi
2	Percaya kepada Allah rukun iman pertama	0	1 (2.9)	4 (11.4)	2 (5.7)	28 (80)	4.63	.808	Tinggi
3	Percaya kepada malaikat adalah rukun iman kedua	0	0	6 (17.1)	2 (5.7)	27 (77.1)	4.60	.775	Tinggi
4	Rukun Islam ada 5 perkara	0	1 (2.9)	3 (8.6)	3 (8.6)	28 (80)	4.66	.765	Tinggi
5	Mengucap dua kalu syahadah adalah rukun Islam pertama	0	3 (8.6)	3 (8.6)	2 (5.7)	27 (77.1)	4.51	.981	Tinggi
6	Saya tahu tujuan hidup saya untuk menjadi hamba Allah	1 (2.9)	0	1 (2.9)	5 (14.3)	28 (80)	4.69	.796	Tinggi
7	Saya tahu Allah tempat saya bergantung	0	1 (2.9)	1 (2.9)	7 (20)	26 (74.3)	4.66	.684	Tinggi
8	Saya tahu tanggungjawab saya sebagai khalifah	1 (2.9)	0	7 (20)	6 (17.1)	21 (60)	4.31	.993	Tinggi
Min Keseluruhan							4.564	.69357	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan tahap pengetahuan aqidah dalam kalangan remaja berisiko. Bagi kesemua item aqidah menunjukkan tahap yang tinggi ($M=4.64$, $S.P=0.694$). Bagi sub aqidah item 6 “saya tahu tujuan hidup saya untuk menjadi hamba Allah” menunjukkan tahap pengetahuan aqidah tertinggi ($M=4.69$) dengan seramai 94.3% responden setuju dan sangat setuju terhadap pengetahuan tersebut. Manakala bagi item kedua tertinggi iaitu item 7 “Saya tahu Allah tempat saya bergantung” ($M=4.66$). Seramai 94% responden setuju dan sangat setuju terhadap pengetahuan tersebut. Bagi item tertinggi ketiga iaitu item 4 “Rukun Islam ada lima perkara” ($M=4.66$). Seramai 88% responden setuju dan sangat setuju terhadap pengetahuan tersebut. Item tertinggi yang keempat ialah item 2 “Percaya kepada Allah rukun iman pertama” ($M=4.63$). Seramai 85.7% responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi item kelima tertinggi ialah item ketiga “Percaya kepada malaikat adalah rukun iman kedua” ($M=4.60$). Seramai 82.6% responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini.

Pengetahuan Ibadah Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Sekolah Daerah Bentong, Pahang

Jadual 7 Kekekapan, peritus, min, sisihan piawai dan interpritesi skor min Tahap Pengetahuan Ibadah dalam Kalangan Remaja Berisiko

No	Perkara	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P	Interpretasi
9	Ibadah solat fardhu terserah pada individu untuk laksanakan	4 (11.4)	4 (11.4)	5 (14.3)	5 (14.3)	17 (48.6)	3.77	1.457	Tinggi

10	Wajib dan haram adalah antara hukum Islam	1 (2.9)	0	4 (11.4)	7 (20)	23 (65.7)	4.46	.919	Tinggi
11	Harus berwuduk sebelum menunaikan solat	4 (11.4)	0	3 (8.6)	4 (11.4)	24 (68.6)	4.26	1.336	Tinggi
12	Wajib berpuasa pada bulan ramadah	1 (2.9)	3 (8.6)	2 (5.7)	4 (11.4)	25 (71.4)	4.40	1.117	Tinggi
13	Solat taubat dan hajat adalah di antara solat-solat sunat	0	1 (2.9)	6 (17.1)	5 (14.3)	23 (65.7)	4.43	.884	Tinggi
14	Saya pandai membaca al-Quran	0	2 (5.7)	9 (25.7)	10 (28.6)	14 (40)	4.03	.954	Tinggi
Min keseluruhan							4.22	.61296	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan pengetahuan ibadah dalam kalangan remaja berisiko di sekolah daerah Bentong Pahang. Bagi kesemua item ibadah ini menunjukkan min berada pada tahap tinggi ($M=4.22$). Bagi sub pengetahuan ibadah bagi item 10 “wajib dan haram adalah di antara hukum Islam” menunjukkan min tertinggi ($M=4.46$). Seramai 85.7% menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Bagi sub topik item kedua tertinggi iaitu item 13 “Solat taubat dan hajat adalah di antara solat-solat sunat” ($M=4.43$). Seramai 80% responden menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi item 12 “Wajib berpuasa pada bulan Ramadan” menunjukkan min ketiga tertinggi ($M=4.40$). Seramai 82.8% responden menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Bagi item keempat tertinggi ialah number 14 “Saya pandai membaca al-Quran” ($M=4.03$). Seramai 60.6% boleh membaca Al-Quran manakala seramai 31.4% pelajar tidak boleh membaca Al-Quran.

Bagi sub ibadah bernombor 9 iaitu “Ibadah solat fardhu terserah pada individu untuk laksanakan” menunjukkan Min terendah iaitu $M=3.77$. Seramai 22.8% responden menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan ini kerana solat adalah fardu adalah wajib dilaksanakan. Manakala bagi item 11 “Harus berwuduk sebelum menunaikan solat” menunjukkan min adalah $M=4.26$. Seramai 80% responden menyatakan sangat setuju dan setuju dengan pernyataan ini.

Pengetahuan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Sekolah Daerah Bentong, Pahang

Jadual 8 Kekerapan, peritus, min, sisihan piawai dan interpritesi skor min Tahap Pengetahuan Akhlak dalam Kalangan Remaja Berisiko

No	Perkara	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P	Interpretasi
15	Taubat merupakan sifat yang dituntut dalam Islam	0	1 (2.9)	4 (14.3)	7 (20)	22 (62.9)	4.43	.850	Tinggi
16	Islam menetapkan adab-adab yang tertentu dalam kehidupan seharian	2 (5.7)	1 (2.9)	5 (14.3)	8 (22.9)	19 (54.3)	4.17	1.150	Tinggi
17	Seorang anak wajib mentaati kedua ibu bapa	0	1 (2.9)	1 (2.9)	7 (20)	26 (74.3)	4.66	.684	Tinggi

18	Menutup aurat adalah wajib dalam Islam	0	1 (2.9)	3 (8.6)	3 (8.6)	28 (80)	4.66	.765	Tinggi
19	Apabila di timpa ujian, hendaklah ia bersabar menempuhinya	0	2 (5.7)	2 (5.7)	4 (11.4)	27 (77.1)	4.60	.847	Tinggi
20	Pergaulan antara lelaki dan perempuan ada batasnya yang ditetapkan oleh syara'	1 (2.9)	0	2 (5.7)	4 (11.4)	28 (80)	4.66	.838	Tinggi
Min keseluruhan							4.53	.62294	Tinggi

Jadual 8 menunjukkan pengetahuan akhlak dalam kalangan remaja berisiko di sekolah daerah Bentong Pahang. Kesemua item di dalam akhlak menunjukkan min yang tinggi ($M=4.53$). Bagi sub item akhlak item tertinggi ialah nombor 17 "Seorang anak wajib mentaati kedua ibu bapa" ($M=4.66$). Seramai 94.3% menunjukkan responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Bagi sub item kedua tertinggi ialah number 18 "Menutup aurat adalah wajib dalam Islam" ($M=4.66$). Seramai 88.6% responden menunjukkan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi item ketiga tertinggi ialah number 20 "Pergaulan antara lelaki dan perempuan ada batasnya yang ditetapkan oleh syara'" ($M=4.66$). Seramai 91.4% responden menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini. Bagi sub akhlak yang ke 19 "Apabila di timpa ujian, hendaklah ia bersabar menempuhinya" ($M=4.60$). Seramai 88.5% respondent menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dapatan kajian keseluruhan mendapati tahap pengetahuan agama remaja berisiko berada di tahap yang tinggi. Walaupun tahap pengetahuan agama mereka tinggi, mereka masih dikategorikan remaja berisiko kerana mereka telah melakukan salah satu tingkah laku berisiko yang dikenalpasti oleh Mohd Nuri Mustapha (2017) dan Noor Amila et. al (2017). Oleh itu, bagi memastikan pengetahuan agama ini ditingkatkan, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan bagi memperkasakan perubahan diri remaja ke arah pembentukan akhlak rabbani;

a) Memperkasakan pendidikan agama bermula di institusi kekeluargaan

Antara faktor remaja terlibat dengan tingkah laku berisiko adalah disebabkan mereka tidak mendapat pendidikan agama yang sewajarnya. Amalan-amalan ibadah seperti solat, membaca al-Quran mampu menjadi benteng kepada remaja daripada terjebak dengan kes berisiko. Kekuatan iman akan membantu remaja mengawal tingkah laku remaja daripada perkara maksiat kepada Allah. Kebanyakan keluarga remaja berisiko tidak memahami keperluan hidup beragama. Remaja merasa kekosongan hidup yang mesti dipenuhi yang wujud dalam diri setiap orang iaitu kasih sayang dan fitrah hidup bertuhan (Buerah et. al 2015). Justeru, pengkaji mencadangkan agar pendidikan agama turut diperkasakan dalam institusi kekeluargaan agar suasana di rumah dapat memberikan kekuatan untuk remaja berisiko istiqmah melakukan perubahan. Kajian (Norul Huda Bakar & Azizah Mat Rashid 2014) menyokong supaya penghayatan agama berteraskan pendekatan pendidikan dijadikan panduan dan keutamaan oleh ibu bapa dan pihak sekolah dalam rancangan pendidikan dan kurikulum remaja.

b) Program penghayatan agama dijalankan secara komprehensif di sekolah

Sebahagian besar masa remaja adalah di sekolah. Mereka juga lebih mudah dibimbing apabila berada di sekolah. Justeru, program-program penghayatan agama Islam dari aspek pengukuhan aqidah, penghayatan ibadah dan pembentukan akhlak perlu dijalankan secara komprehensif malah dijadikan rutin harian mereka. Sebagai contoh, sekolah harian boleh mempraktikkan aktiviti solat zohor dan asar berjemaah, mengadakan waktu khas untuk membaca dan mentadabbur al-Quran dan mengadakan program-program zikir untuk mendidik hati remaja. Apabila program ini dijalankan secara rutin, ianya membantu membina rutin dan tabiat baru untuk menghidupkan jiwa remaja. Pembelajaran di sekolah tidak seharusnya hanya tertumpu kepada silibus akademik semata-mata, malah perlu memberikan juga keutamaan terhadap penghayatan agama sebagai cara hidup agar dapat melahirkan remaja yang soleh dan bakal pemimpin negara pada masa hadapan.

c) Mewujudkan masjid dan surau mesra remaja dan anak-anak bagi melahirkan anak-anak yang cintakan agama

Dalam mendidik remaja, institusi masjid dan surau setempat sewajarnya turut menjalankan program-program khusus mendidik remaja. Sebagai contohnya, program yang memberikan galakan kepada anak-anak remaja untuk hadir solat berjemaah, program yang mendekati remaja untuk ke masjid dan memberi galakan kepada mereka untuk hadir ke masjid. Selain itu, remaja perlu diberikan peluang untuk menjadi sukarelawan untuk memgerakkan aktiviti keagamaan yang sesuai dengan remaja. Remaja berisiko juga perlu didekati dan diberikan peluang untuk menunjukkan komitmen mereka kepada agama melalui platform di masjid dan surau.

d) Mewujudkan komuniti masyarakat setempat cakna remaja

Mendidik remaja memerlukan sokongan komuniti masyarakat setempat. Remaja berisiko yang merupakan mangsa perceraian, yang tinggal dengan datuk dan nenek, atau remaja yang sering dipinggirkan oleh ibu bapa yang sibuk bekerja memerlukan sokongan dan perhatian daripada masyarakat setempat. Sebagai contohnya, remaja yang melepak dan merempit kebiasaannya hanya ingin mengisi masa lapang dan mencari keseronokan. Namun, aktiviti mereka ada masanya mengganggu keselesaan masyarakat setempat. Justeru, jiran tetangga yang berhadapan remaja sedemikian seharusnya berusaha mendekati mereka dan meluangkan masa untuk berkongsi dan mendidik remaja-remaja ini. Walaupun mereka bukan anak-anak sendiri, namun mereka adalah generasi yang diharapkan dapat menjadi manusia yang berguna untuk negara dan agama. Sokongan masyarakat yang cakna remaja akan dapat membantu mengembalikan remaja berisiko memahami tanggungjawab mereka kepada Allah dan Rasulullah, sentiasa memperbaiki diri dan kembali ke jalan yang benar.

KESIMPULAN

Fasa remaja merupakan fasa yang masih memerlukan bimbingan. Pengetahuan agama yang tinggi sahaja tanpa sokongan padu daripada institusi kekeluargaan dan persekitaran di rumah masih tidak mencukupi untuk membentuk keperibadian yang unggul. Gabungan pelbagai institusi seperti pihak sekolah, institusi masjid dan komuniti masyarakat juga perlu ditingkatkan bagi membentuk biah solehah dalam menanam penghayatan agama dan membentuk akhlak remaja. Pengetahuan agama, kesedaran hidup beragama, aspek *'ubudiyah* dan *taqarub* kepada Allah merupakan benteng diri remaja daripada terjebak dengan perkara-perkara negatif. Justeru, remaja seharusnya dibimbing agar sentiasa menghayati agama, melaksanakan tanggungjawab

terhadap diri dan agama dengan ikhlas serta dapat membina jatidiri seorang muslim yang direndhai Allah.

RUJUKAN

- Ahmad Johari Sihes, Abdul Rahim Hamdan, Jamaluddin Ramli & Nor Salis Samingan. 2006. Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia. In: *National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.* 1–8. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/384/>
- Al-Bugis, Z. 2009. Agama Sebagai Suatu Terapi Bagi Remaja (Suatu Pendekatan Psikologi Pendidikan) Oleh : Zubaidah Al-Bugis *. *Jurnal Iqra' Volume 3. No.1, Januari-Jun 2009* (95): 88–96.
- Amila, N., Halim, A., Sham, F., Abdullah, M. H., Dakwah, J. & Islam, F. P. 2017. Pendekatan Motivasi dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Berisiko 5(1): 29–33.
- Azyyati Mohd Nazim. 2017. Faktor Penyimpangan Dalam Kalangan Remaja Berisiko Dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(0): 1–19.
- Badriyah, N., Ali, B., Farhah, U. & Usman, B. 2016. Demografi Remaja Wanita Bermasalah : Kajian Analisis Terhadap Penghuni Dua Pusat Bimbingan , Raudhatul Sakinah Dan Dar As-Sa 'adah. *Demografi Remaja Wanita Bermasalah* 3(Jun): 1–17.
- Bakar, N. H. & Mat Rashid, A. 2014. Membangunkan Penghayatan Agama Di Kalangan Kanak-Kanak : Analisis Pandangan Abdullah Nasih Ulwan. *International Research Management and Innovation Conference 2014(IRMIC 2014) 2014(November)*: 17–18.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, H. A. N. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja / Pelajar Muslim Bersepadu 7(2): 11–30.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1. Kuala Lumpur. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, N. M. A. & S. N. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera 7(1): 84–93.
- Jackson, S.L. 2006, *Research method and statistics: a critical thinking approach*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Ma'luf, Lois. 1975. *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'A'lam*. Beirut : Dar al-Masyriq.
- Mohd Majdi Konting. 1990. *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Nasir, B., Puteh, A., Ghafar Don, A., Irdha Mohktar, A. & Dardaa, A. 2014. Gejala Sosial Di Felda Gugusan Chini Pahang: Faktor Dan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik* (November): 1–10.
- Mohd Nuri Mustafa. 2017. Kajian Kes Terhadap Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Kelantan, Malaysia. 10–1 :1(1)1 *ثبثبث*
doi:10.1037/0022-3514.51.6.1173
- Noor Hafizah, M. H. 2017. Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abidin, A. H. & F. M. F. (N.D.). Hubungan Pendidikan Keagamaan Oleh Ibu Bapa Dan Pertautan Rakan Sebaya Dengan Akhlak Belia Di Institusi Pengajian Awam Terpilih Di Selangor Rohana. *Malaysian Journal of Youth Studies* 91–106.
- Sayyid Qutb, Abu al-A'la Al-Maududi. 2009. *Manhaj Hidup Muslim*. Terj. Hafid Muhammad 'Uthman Sallahuddin 'Abdullah Abdul Rahman Rukaini. Selangor : Dewan Pustaka Fajar

- Suhid, A. 2007. Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum* 8(9): 167–178.
doi:http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_08_2007/artikel%209%20-%20asmawati%20-%20167-178.pdf
- Sekaran, U. 1992. *Research methods for business: a skalal building approach*. Ed. Ke-2. New York: John Wiley & Sons
- Zulkefli, N. & Mustapha, Z. 2016. Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi. *Geografia: Malaysian Journal of Society & Space* 12(9): 150–160.
- Zulkifli Mohd Yusuf. 2009. *Kamus Al-Quran*. Selangor Darul Ehsan: PTS Islamika Sdn.Bhd